

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 26, 2019 2:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kolej Poly-Tech MARA Jadikan UUM Rujukan Bagi Program Diploma Pengurusan Acara



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

26 MAC 2019 / 19 REJAB 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: STHEM

KOLEJ POLY-TECH MARA JADIKAN UUM RUJUKAN BAGI PROGRAM PENGURUSAN ACARA



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM) telah menerima lawatan lapangan dari Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) baru-baru ini.

Lawatan delegasi seramai 12 penjawat yang mewakili empat kampus KPTM di Bangi, Alor Setar, Kuantan dan Semporna serta dari ibu Pejabat KPTM diketuai oleh Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan KPTM Bangi, Mohamed Ismail Abdul Kader.

Lawatan bertujuan membincangkan program latihan kepada pensyarah KPTM di samping meninjau kemudahan dan peralatan yang diperlukan dalam penawaran Diploma Pengurusan Acara di KPTM.

Ketibaan delegasi berkenaan disambut oleh Dekan STHEM, Dr. Johan Afendi Ibrahim.

Sesi perbincangan dimulakan dengan penerangan oleh Mohamed Ismail berkaitan penawaran program Diploma Pengurusan Acara yang sedang menunggu kelulusan dari Jabatan Pendidikan Tinggi (JPI).

Delegasi KPTM turut berkesempatan melawat Perpustakaan Sultanah Bahiyah dan Restoran D'Hospitality bagi meninjau infrastruktur dan infostruktur di UUM.

Hadir sama Timbalan Dekan STHM, Dr. Ahmad Edwin Mohamed, Penyelaras-penyelaras Program dan Penolong Pendaftar STHM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.